

**SOALAN NO: 462**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**TARIKH:**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan langkah-langkah untuk mengawal pekerja-pekerja asing daripada menjadi pesaing kepada pekerja tempatan-pekerja tempatan .**

**PR-1342-T74693**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kebenaran penggajian pekerja asing di negara ini adalah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di industri-industri di pelbagai sektor dalam negara. Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, sehingga 29 Februari 2016 terdapat seramai 1,978,948 juta orang pekerja asing yang telah dikeluarkan permit kerja melalui Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dalam lima sektor formal dan satu sektor tidak formal. Untuk memastikan bahawa kehadiran pekerja asing ini tidak menjejas peluang pekerjaan rakyat tempatan, Kementerian Sumber Manusia mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan atau mengawal bilangan pekerja asing. Antara langkah-langkah tersebut ialah seperti berikut :-

- a) mewujudkan peruntukan undang-undang yang mensyaratkan majikan terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari Kementerian Sumber Manusia sebelum memohon pekerja asing bagi membolehkan Kementerian mengkaji dan menentukan keperluan sebenar majikan untuk menggaji pekerja asing iaitu mesti mengiklankan kekosongan jawatan dalam Portal Jobsmalaysia;
- b) mengetatkan pemakaian syarat yang mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam sistem

JobsMalaysia dan mengambil calon-calon yang sedia berdaftar di dalamnya sebelum permohonan untuk mengajikan pekerja asing boleh dipertimbangkan;

- c) menetapkan siling penggajian pekerja asing mengikut sektor berasaskan keperluan sebenar majikan dan negara;
- d) meningkatkan kadar levi yang dikenakan serta meletakkan tanggungjawab pembayaran levi, yang sekarang ini ditanggung oleh pekerja asing ke atas majikan bagi tujuan mengurangkan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan;
- e) menetapkan supaya sektor-sektor pekerjaan hanya diisi oleh pekerja tempatan sahaja bagi pekerja di barisan hadapan; dan
- f) menggalakkan industri-industri yang berintensifkan buruh meningkatkan penggunaan teknologi dan automasi dalam operasi mereka. Sehubungan dengan ini program latihan kemahiran akan dipertingkatkan bagi menyediakan tenaga kerja tempatan yang akan diperlukan oleh industri ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ABDULLAH SANI  
BIN ABDUL HAMID [ KUALA LANGAT ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula gaji anggota-anggota polis.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengambil berat mengenai kebajikan penjawat awam yang merangkumi anggota keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui pemberian pelbagai insentif dan kemudahan sebagai penghargaan terhadap pegawai dalam menjalankan tugas berdasarkan kepada skop, fungsi dan risiko tugas dalam perkhidmatan.

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menjalankan kajian dan semakan gaji penjawat awam. Setiap kali semakan atau penambahbaikan gaji penjawat awam dilakukan, ianya turut melibatkan anggota PDRM. Di antaranya adalah semakan sistem saraan dan pelarasan gaji pada tahun 2001, 2002, 2007 dan 2012.

Di samping itu, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah SSM, Kerajaan turut bersetuju untuk menambahbaik 252 skim perkhidmatan dengan penetapan gaji Gaji Permulaan Terendah (GPT) sebanyak RM1,200.00 sebulan di samping pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan 1 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada semua anggota PDRM yang berkelayakan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ABDULLAH SANI  
BIN ABDUL HAMID [ KUALA LANGAT ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula gaji anggota-anggota penjara.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengambil berat mengenai kebijakan penjawat awam yang merangkumi perkhidmatan keselamatan dan pertahanan seperti anggota penjara melalui pemberian pelbagai insentif dan kemudahan sebagai penghargaan terhadap pegawai dalam menjalankan tugas berdasarkan kepada skop, fungsi dan risiko tugas dalam perkhidmatan.

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menjalankan kajian dan semakan gaji penjawat awam. Setiap kali semakan atau penambahbaikan gaji penjawat awam dilakukan, ianya turut melibatkan anggota penjara. Di antaranya adalah semakan sistem saraan dan pelarasan gaji pada tahun 2001, 2002, 2007 dan 2012.

Di samping itu, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah SSM, Kerajaan turut bersetuju untuk menambahbaik 252 skim perkhidmatan dengan penetapan gaji Gaji Permulaan Terendah (GPT) sebanyak RM1,200.00 sebulan di samping pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan 1 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada semua anggota penjara yang berkelayakan.

Sekian. Terima kasih.